

27 JUL 2002

Malaysia-Powell

MALAYSIA MAHU TAHU TINDAKAN AS ATASI KEGANASAN DI ASIA BARAT

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Tindakan seterusnya Amerika Syarikat (AS) dalam menangani keganasan di Asia Barat merupakan antara perkara yang Malaysia mahu tahu daripada Setiausaha Negara Amerika Syarikat Colin Powell, yang akan memulakan lawatan ke negara ini, Isnin ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata perkara lain yang akan dibincangkan termasuk soal keganasan dan usaha meningkatkan hubungan dalam konteks kedua-dua negara, serantau dan antarabangsa.

"Kita berminat apakah tindakan seterusnya yang Amerika hendak ambil terhadap konflik Palestin-Israel," katanya kepada wartawan selepas merasmikan bengkel Smart News Network International (SNNi) di sini, hari ini.

Beliau menganggap lawatan Powell sebagai positif dan dialu-alukan kerana memberikan peluang Malaysia untuk bertukar-tukar fikiran.

Beliau berkata lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke AS awal tahun ini telah banyak membuka hubungan dua hala yang merangkumi pelbagai dimensi termasuk ekonomi.

Selain Syed Hamid, Powell dijadualkan bertemu Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Badawi.

Powell adalah dalam rangka lawatan lapan hari ke negara-negara Asia bermula 27 Julai hingga 3 Ogos.

Perhentian pertama beliau ialah India and Pakistan dengan beliau dijangka memujuk kedua-dua negara mengurangkan konflik antara mereka.

Pada 28 Julai, Powell akan ke Bangkok sebelum ke Malaysia dan Singapura masing-masing pada 29 dan 30 Julai.

Powell akan menghadiri mesyuarat Menteri-menteri Luar Asean dengan rakan-rakan dialog di Brunei pada 31 Julai dan 1 Ogos. Selepas itu, beliau akan ke Indonesia dan seterusnya ke Filipina sebagai perhentian terakhir pada 3 Ogos.

-- BERNAMA

MSL AZZ NAK